

**FINAL EXAMINATION**

-

-----

**MATRIC** \_\_\_\_\_  
**SECTION** \_\_\_\_\_  
**SEATING NO** \_\_\_\_\_  
**COURSE TITLE** - \_\_\_\_\_

**COURSE CODE**      **MPU3213**

**DATE/DAY** - \_\_\_\_\_

**TIME/DURATION** - - - / **2 Hours**

-----

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :**

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 6 Printed Pages including front page)

**\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\***

**ATTENDANCE SLIP**

NAME \_\_\_\_\_ DATE \_\_\_\_\_  
MATRIC NO \_\_\_\_\_ SECTION \_\_\_\_\_  
PROGRAMME \_\_\_\_\_  
COURSE TITLE \_\_\_\_\_  
COURSE CODE \_\_\_\_\_ SEATING NO \_\_\_\_\_ SIGNATURE \_\_\_\_\_

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT  
BLANK

  
**UNIRAZAK**  
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK  
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.

**BAHAGIAN A**

**[40 Markah]**

Bahagian ini mengandungi DUA (2) petikan soalan yang WAJIB dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

**SOALAN 1 – Pemahaman Teks**

(20 markah)

(A) Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



Rumah terbuka Malaysia yang sudah beberapa tahun diadakan mempunyai konsep atau makna yang unik sekali. Rumah terbuka ini tidak kedapatan di negara-negara lain, sebaliknya hanya terdapat di Malaysia. Penganjuran Rumah Terbuka Malaysia lebih mementingkan perpaduan antara kaum, mencari persefahaman dan mengukuhkan pengetahuan tentang kaum-kaum di Malaysia. Tidak dinafikan juga bahawa rumah terbuka ini diadakan untuk menjalin hubungan yang sedia ada antara kaum. 5

Memandangkan kepentingan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara kita, tradisi rumah terbuka ini akan diteruskan bagi membolehkan setiap perayaan yang disambut oleh setiap kaum dapat diraikan bersama-sama oleh semua lapisan masyarakat. Meraikan bersama-sama sesuatu perayaan menjadi lambang kepada sikap toleransi dalam kalangan masyarakat, di samping memperkukuh persefahaman dan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Semangat perpaduan ini membawa kepada penggunaan negara kerana sikap saling menghormati antara kaum merupakan aset penting untuk mencapai kecemerlangan Negara. 10 15

Hakikatnya Rumah Terbuka Malaysia turut menjadi daya tarikan pelancong luar kerana mereka dapat menyaksikan keakraban dan perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara kita. Mereka merasa kagum kerana dapat melihat pelbagai rumpun bangsa dan budaya hidup bersatu dan bersama-sama menyambut hari perayaan. Lantaran itu, tidak hairanlah jika keunikan budaya masyarakat Malaysia menjadi bekalan atau buah tangan yang boleh dibawa pulang ke negara mereka, seterusnya mendotong keluarga, saudara-mara atau rakan-rakan mereka yang lain tertarik untuk datang ke Malaysia. 20

Sepanjang sambutan Rumah Terbuka Malaysia ini berlansung, pelbagai media asing serta jemputan khas turut diundang sama ada untuk membuat liputan atau meraikan sambutan tersebut. Secara tidak langsung, situasi ini membolehkan nama negara kita menjadi harum pada pada peringkat antarabangsa. 25

Hakikatnya, sambutan Rumah Terbuka Malaysia ini perlu diteruskan. Perlu diingat juga bahawa sambutan rumah terbuka untuk masyarakat berbilang kaum ini dapat menjamin kesejahteraan negara pada masa yang akan datang. Meskipun terdapat pelbagai kaum dan etnik di Malaysia, atas dasar kejujuran yang telah sekian lama disemai dalam jiwa penduduknya, maka semua kaum dapat menyesuaikan diri dengan adat resam dan budaya yang berbeza. Perpaduan kaum di negara ini 30

merupakan satu *kenyataan yang tidak dapat dipertikaikan* oleh mana-mana pihak. 35  
Kerjasama dan hubungan erat antara kaum menjadi bukti bahawa segala bentuk  
aktiviti yang dijalankan bersama akan mendapat sambutan yang menggalakkan.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Rumah Terbuka  
Malaysia Mengerat Persefahaman Antara Kaum',  
Dewan Siswa, Disember 2006

- i. Berikan maksud *kenyataan yang tidak dapat dipertikaikan* dalam petikan. (baris 34)  
(2 markah)
- ii. Mengapakah Rumah Terbuka Malaysia dikatakan mampu mengharumkan nama  
negara?  
(4 Markah)
- iii. Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya masyarakat yang berbilang  
kaum di negara kita tidak mengamalkan sikap toleransi dan bersatu padu?  
(4 markah)

UNIRAZAK  
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK  
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.

(B) Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang  
berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Maka pada ketika yang baik, Raja Ahmad pergi menemui Raja Muhammad.  
Apabila berhadapan askar kedua-duanya itu, mereka pun berperang. Tempik sorak

segala hulubalang dan rakyat kedengaran amat hebat. Askar kedua-dua pihak banyak yang mati dan luka sebab beramuk-amuk sesama sendiri. Dalam pergaduhan itu matilah Raja Muhammad dan Raja Ahmad. 5

Tinggallah Merah Silu dengan Merah Hasum berdua saudara dan saki-baki rakyat yang masih hidup. Mereka menyembah mengaku akan taat setia kepada anak raja kedua itu untuk terus tinggal di dalam negeri itu.

Tiada beberapa lama kemudian, Merah Silu berkata kepada saudaranya, Merah Hasum itu, "Hai saudaraku, betapa bicara kita kerana kita ini hanya dua bersaudara tinggal kerana nenek dan ibu bapa kita telah hilang dalam negeri Semerlanga ini! Jikalau kita diam dalam negeri ini, sekali-kali tiada manfaat kepada kita. Baiklah kita pindah dari negeri ini mencari tempat yang baik supaya kita dapat diam di sana. 10

Setelah *putus bicara* dua bersaudara itu, pada ketika yang baik, mereka pun keluar meninggalkan negeri Semerlanga. Mereka mengikut jalan arah matahari mati. 15

daripada Dipetik  
Silu' 'Merah

dalam antologi *Harga Remaja*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- UNIRAZAK  
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK  
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.
- i. Berikan maksud *putus bicara*. (baris 14) (2 Markah)
  - ii. Nyatakan tiga kesan yang berlaku akibat peperangan antara Raja Muhammad dengan Raja Ahmad (3 Markah)
  - iii. Pada pendapat anda, apakah langka-langkah yang wajar dilakukan oleh pemimpin sesebuah negara untuk menyelesaikan konflik negaranya dengan negara lain? (3 Markah)

**SOALAN 2 (Kemahiran Berbahasa)**

(20 markah)

- (A) Setiap baris dalam petikan di bawah mempunyai kesalahan tatabahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul bagi setiap kesalahan yang telah dikenalpasti. Anda perlu menulis **SATU (1)** perkataan sahaja. Jawapan anda mesti ditulis menggunakan format seperti di bawah:

Baris ayat	Kesalahan	Pembetulan
a		

Kerajaan tidak mahu membiarkan masalah kemiskinan wujud di kalangan masyarakat. Oleh itu pelbagai usaha untuk tingkat taraf hidup rakyat telah dilaksanakan oleh kerajaan. Peningkatan taraf hidup rakyat penting wujud. Hal ini demikian, kerana banyak faedah akan terima oleh kedua-dua belah pihak. Apabila taraf hidup rakyat meningkat, masalah kesihatan akan kurang. Selain itu, tahap pendidikan rakyat tambah baik. Rakyat yang berpendidikan biasanya bijak mencari peluang perkerjaan untuk tambahannya pendapatan keluarganya. Tegasnya, rakyat dapat hidup dalam keadaan sejahtera setelah mereka memperoleh peluang yang anugerah oleh Tuhan. Rakyat perlu mempunyai kesedaran untuk meningkatkan taraf hidup masing.	a b c d e f g h i j
--	--

(10 markah)



(B) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuan**. Betulkan kesalahan tersebut dan anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Pegawai itu menyelok saku seluarnya untuk mengambil kunci kereta syarikatnya lalu menyerahkan kunci kereta itu kepada pemandunya.
- ii. Saya berdoa agar saudara sekeluarga sihat walafiat dan selamat menjalani ibadat pada bulan yang mulia ini.
- iii. Selain barangan sukan, syarikat itu menyediakan perkhidmatan lain termasuk berkhidmatan kejurulatihan tennis.
- iv. Kehadiran pekerja itu dalam mesyuarat agung persatuan itu telah mencukupi kourum untuk persatuan itu mengadakan mesyuarat tersebut.
- v. Penghuni kondominium di situ berasa bahawa kediaman mereka tidak selamat kerana kejadian kes mencuri motorsikal menjadi-jadi di kawasan itu sejak akhir-akhir ini.

(10 markah)

**-KERTAS SOALAN TAMAT-**